



17 Ogos 2021  
17 August 2021  
P.U. (A) 338

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN  
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 9) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) (NO. 9) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 9) 2021

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 405/2021 yang disiarkan pada 2 Ogos 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 9) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 19 Ogos 2021.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Jalan Arah</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
<p>Laluan sehalah sebahagian Laluan 134, Jalan Kota Bharu-Pengkalan Kubor, bermula dari Persimpangan Dusun Langgar hingga Bulatan Wakaf Bharu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>Kenderaan dari Kota Bharu ke Pengkalan Kubor hendaklah menggunakan jalan alternatif, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>Kenderaan dari Kota Bharu ke Tumpat hendaklah menggunakan jalan alternatif, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	<p>19 Ogos 2021 hingga 31 Disember 2022</p>